

Abdullah dijangka umum inisiatif terbaru WPI

PONTIAN 6 Feb. – Kunjungan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ke Johor pada 23 Februari ini dijangka membawa pelbagai berita gembira mengenai inisiatif terbaru projek Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI).

Perdana Menteri dijangka mengumumkan beberapa projek pembangunan yang bakal dilaksanakan menerusi pelan tindakan dan pengisian WPI bagi memajukan lagi Johor Bahru serta kawasan-kawasan sekitarnya.

Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani

Othman berkata, pelaksanaan projek-projek tersebut merupakan nadi penting dalam menarik pelaburan asing dan membuka pelbagai peluang ekonomi kepada rakyat negeri ini.

“Dalam bulan ini, Perdana Menteri akan datang ke Johor untuk melaksanakan pelan tindakan dan pengisian WPI serta mengumumkan beberapa projek penting dalam pembangunan ini,” katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis penyampaian bantuan mangsa banjir di Dewan Serbaguna Taman Utama, Pekan Ne-

nas di sini, hari ini.

Menurut beliau lagi, di samping projek-projek berkaitan WPI, Perdana Menteri juga dijangka mengumumkan projek pembangunan lain yang bakal dilaksanakan di Johor di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Abdul Ghani bagaimanapun tidak menguraikan lebih lanjut mengenai bentuk projek atau pengumuman yang akan dibuat itu.

Johor kini dalam proses pemulihan berikutan bencana banjir besar yang melanda

sejak pertengahan Disember lalu mengakibatkan kerugian berjumlah RM1.2 bilion dalam bentuk infrastruktur.

Pelaksanaan projek-projek di bawah WPI itu diyakini dapat merancakkan kembali aktiviti ekonomi negeri ini selepas terganggu akibat bencana yang berlaku.

Pembangunan WPI yang digerakkan oleh Khazanah Nasional Bhd. dijangka dapat menjadikan kawasan seluas 2,217 kilometer persegi itu sebagai pusat pertumbuhan yang terbesar di rantau ini.